

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 20 FEBRUARI 2014**  
**DI KAMPUS KUBANG GAJAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI**

**Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal**, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

**Yang Berbahagia Prof. Dr. Abdul Hamid Adom**, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

**Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan**, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniMAP

**Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad**, Pendaftar UniMAP,

**Yang Berusaha Puan Saodah Hassan**, Bendahari UniMAP,

**Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir**, Pemangku Pustakawan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai), Saba' Hal 'Khair.

### **KATA ALU-ALUAN**

Hadirin sekalian,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya ucapkan buat semua warga UniMAP yang sentiasa memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik ini.

### **TIPS KESIHATAN**

2. Sebelum memulakan ucapan pada pagi ini izinkan saya untuk berkongsi sedikit tips Kesihatan. Pada hari ini kita akan memperkatakan tentang **Amaran Strok.**
3. Untuk makluman hadirin sekalian, Strok menyerang dengan pantas, menakutkan dan boleh menyebabkan kematian. Strok bepunca daripada halangan dalam aliran darah, atau kepecahan arteri yang membekalkan darah ke otak.
4. Pada pendapat kita, strok hanya dialami oleh golongan tua yang sudah beruban, betul? Namun, hasil analisis yang memeranjatkan oleh penyelidik daripada ***The Centers for Disease Control and Prevention*** (CDC), Amerika, telah mendedahkan bahawa menurut kes kemasukan ke hospital akibat strok, peningkatan kadar strok tertinggi sehingga 51% adalah di kalangan lelaki muda berusia antara 15 ke 34 tahun.

5. Manakala kadar strok di kalangan wanita lebih tinggi berbanding lelaki dan lebih merbahayakan nyawa. Hal ini dipercayai kerana komplikasi darah tinggi dan diabetes yang dihadapi oleh wanita semasa mengandung dan penggunaan pil perancang kehamilan.
6. Justeru, amat penting untuk kita mengetahui simptom-simptom awal strok kerana rawatan segera amat penting dalam proses pemulihan. Sekiranya anda bersama mereka yang secara tiba-tiba mengalami simptom-simptom berikut :
  - **Kebas, lemah atau lumpuh di sebahagian muka, lengan atau kaki**
  - **Kekeliruan atau kesukaran bercakap atau memahami percakapan**
  - **Hilang penglihatan di sebelah mata atau kedua-dua belah mata**
  - **Pening, hilang dayaimbangan atau koordinasi serta atau kesukaran berjalan**

Sila dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

7. Strok dapat dicegah dengan mengurangkan risiko menghidap strok iaitu dengan mengelakkan hipertensi, diabetes, kolesterol tinggi dan merokok. Justeru, marilah kita bersama-sama mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Hadirin sekalian,

### **SUKIPT**

8. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kontinjen Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 yang telah mengakhiri saingan pada di tangga keempat keseluruhan dengan pungutan 15 pingat emas, enam pingat perak dan lapan pingat gangsa.

9. Meskipun gagal mempertahankan kedudukan ketiga keseluruhan pada edisi kali ini, namun pencapaian atlit UniMAP sewajarnya dibanggakan kerana Universiti Malaya (UM) hanya berjaya memintas kita di hari terakhir pertandingan. Kepada semua atlet dan pegawai janganlah berputus asa dengan keputusan ini, kita masih mempunyai semangat untuk memperbaiki kedudukan di masa akan datang.

### **PROGRAM YANG TELAH BERLANGSUNG**

Hadirin yang dihormati,

#### **Program Community Policing and Crime Awareness.**

10. Alhamdulillah, sepanjang bulan ini, kita telah berjaya menganjurkan dua program besar dengan jayanya dan yang terbaharu adalah program yang dianjurkan dengan kerjasama Kor SUKSIS UniMAP dan Polis Diraja Malaysia iaitu ***Program Community Policing and Crime Awareness.*** Tahniah saya ucapkan kepada Kor SUKSIS UniMAP yang diterajui Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal yang merupakan Komandan Kor SUKSIS UniMAP di atas kejayaan menganjurkan program tersebut.
11. Lebih membanggakan lagi, UniMAP dan PDRM telah menandatangani satu MOU bagi menjalankan kerjasama di mana UniMAP menawarkan kepakaran untuk membantu PDRM dalam membangunkan produk dan teknologi yang boleh digunakan oleh PDRM pada masa akan datang. Majlis menandatangani MOU itu disaksikan DYTM Tuanku Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Syed Sirajuddin Jamalullail dan DYTM Tuanku Pro Canselor UniMAP, Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

12. Pada majlis menandatangani MOU itu, UniMAP diwakili saya sendiri manakala PDRM diwakili Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar. Untuk makluman hadirin sekalian antara penyelidikan yang sedang dijalankan bersama UniMAP dan PDRM adalah projek menaiktaraf **robot pemusnah bom** untuk digunapakai oleh **Unit Pemusnah Bom Kontigen Polis Negeri Perlis**. Penyelidikan yang dijalankan oleh **Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik** ini telah merekabentuk sistem kawalan tanpa wayar bagi menggantikan sistem kawalan robot sedia ada yang menggunakan wayar sepanjang 100 meter. Saya berharap lebih banyak kerjasama seperti ini akan diadakan di masa akan datang bagi meningkatkan mutu perkhidmatan penguatkuasaan di negara ini.

Hadirin sekalian

#### **Majlis Ucaptama Tahunan Naib Canselor**

13. Saya pasti semua warga UniMAP telah menghadiri Majlis Ucaptama Tahunan Naib Canselor pada 12 Februari lalu di Dewan 2020 yang bertajuk ***“BERMINDA USAHAWAN, BERJIWA ILMUWAN” (The Mind of an Entrepreneur, The Soul of a Scholar)***.
14. Saya percaya ramai antara kita faham akan maksud yang saya ingin sampaikan di dalam Ucaptama itu dan tidak perlulah rasanya saya mengulangi di sini. Semoga segala hasrat dan hala tuju UniMAP yang telah saya sampaikan akan menjadi kenyataan dengan kerjasama dari semua warga UniMAP. Sekiranya tuan-tuan dan puan-puan ingin melihat kembali teks ucaptama itu, bolehlah membacanya di pautan laman web UniMAP.

## **PERTANDINGAN BAKAL BERLANGSUNG**

Hadirin sekalian,

### **Malaysia Technology Expo 2014**

15. Sebelum mengakhiri ucapkan saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat maju jaya kepada penyelidik-penyelidik UniMAP yang menyertai Malaysia Technology Expo 2014 yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur bermula hari ini hingga 22 Februari nanti.
16. Saya difahamkan UniMAP telah menghantar 35 produk yang akan dipertandingkan pada MTE 2014 kali ini. Seperti biasa kita mensasarkan kemenangan 100 peratus bagi semua produk yang dipertandingkan. Marilah kita sama-sama berdoa agar kejayaan akan sentiasa bersama kita.

### **PENUTUP**

17. Rasanya tidak perlu untuk saya berucap dengan lebih panjang lagi, semoga apa yang saya sampaikan pada pagi ini akan menjadi iktibar serta dapat meningkatkan semangat kita semua bagi mengharumkan nama UniMAP di masa akan datang.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

